



## KENYATAAN MEDIA

Y.BHG. DATO' ALWI HJ IBRAHIM

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENDAFTARAN DAN IMIGRESEN)

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

mengenai

PENGUMUMAN BERKAITAN PROGRAM 6P

18 JANUARI 2012 (RABU)

---

1. Lapan pusat setempat (*one stop centre*) proses pemutihan Program 6P akan beroperasi dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 malam pada hari Isnin hingga Jumaat dan **tidak akan beroperasi pada hari Sabtu, Ahad dan hari kelepasan am.**
2. Sehubungan dengan itu, majikan dan syarikat pengurus yang telah beroleh tarikh temujanji pada Sabtu, Ahad dan hari kelepasan am diminta untuk hadir ke pusat setempat (*one stop centre*) proses pemutihan pada Isnin berikutnya.
3. Selain itu, bermula esok (19 Januari 2012) pihak majikan akan dihubungi oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) bagi perkembangan lanjut mengenai proses pemutihan Program 6P.

####

Disediakan : Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Dalam Negeri, Aras 9,  
Blok D1, Kompleks D,  
Putrajaya.  
No. Telefon : 03 – 8886 8000